

MAHATHIR-UNDANG-UNDANG

1980

ALOR SETAR, 30 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED PETANG INI MEMBIDAS PARTI-PARTI POLITIK YANG MENENTANG HUKUMAN GANTUNG YANG DIJATUHKAN OLEH MAHKAMAH DI LAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA).

KATANYA, ORANG-ORANG INI TELAH DIDAPATI BERSALAH KERANA MEMILIKI SENJATA API DAN MEMPUNUH.

BELIAU MENSIFATKAN MEREKA YANG MEMBAWA DAN MENYOKONG USUL DI PARLIMEN BARU-BARU INI SUPAYA HUKUMAN KE ATAS ORANG-ORANG TERSEBUT DIKAJI SEMULA SEBAGAI HENDAK MENGGALAKAN PEMBUNUHAN DAN KEGANASAN DI NEGARA INI.

BERCUAP DI UPACARA MELETAK BATU ASAS SEKOLAH MENENGAH TANAH MERAH, 183
14 BATU DARI SINI, BELIAU BERKATA KIRANYA PERKARA INI DI BIARKAN SEPERTI KEHENDAK AHLI-AHLI PARLIMEN YANG BERKENAAN MAKA RAKYAT TIDAK AKAN DAPAT TIDUR DENGAN NYENYAK.

BELIAU MENEGASKAN TUJUAN KERAJAAN MENGADAKAN UNDANG-UNDANG TERSEBUT IALAH UNTUK MELINDUNGI RAKYAT SERTA MENJAMIN KESELAMATAN DALAM NEGERI. -- BERSAMBUING 1910/11

B541

MAHATHIR-UNDANG-UNDANG 2 ALOR SETAR

+TETAPI ADA ORANG YANG SUKA SUPAYA ORANG INI MEMBAWA SENJATA API DAN MEMBUNUH ORANG, SEBAB ITU MEREKA MENENTANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT SUPAYA ORANG YANG MEMBUNUH INI JANGAN DI GANTUNG, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN GOLONGAN BERKENAAN SUPAYA JANGAN MEMPERMAINKAN UNDANG-UNDANG KERANA INI AKAN MEMBAWA AKIBAT YANG BURUK BUKAN SAHAJA KEPADA RAKYAT TETAPI JUGA KEPADA NEGARA.

BELIAU MENEGUR GOLONGAN YANG MENDUKUNG SUPAYA UNDANG-UNDANG ISLAM DILAKSANAKAN DI NEGARA INI DI MANA HUKUMAN GANTUNG DIGANTIKAN DENGAN PANCUNG.

MENURUTNYA INI TIDAKLAH PRAKTIK// KALAU HANYA ORANG-ORANG ISLAM SAHAJA DIPANCUNG TETAPI YANG BUKAN ISLAM DI PERASKAN DARI HUKUMAN TERSEBUT. -- BERNAMA 1915//E